

## PANTUN SEBAGAI MEDIUM KOMUNIKASI DALAM WARISAN KEARIFAN TEMPATAN: SATU PENELITIAN AWAL

Nurul Haniza Samsudin  
Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya  
E-mail: [haniza\\_85@um.edu.my](mailto:haniza_85@um.edu.my)

Rahmad Aydil Ali Akhbar\*  
Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya  
E-mail: [farn435rahmad@gmail.com](mailto:farn435rahmad@gmail.com)

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali  
Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya  
E-mail: [inmarlin@um.edu.my](mailto:inmarlin@um.edu.my)  
\* *Corresponding Author*

### ABSTRAK

Pantun merupakan salah satu bentuk kearifan tempatan yang menjadi warisan dalam dunia Melayu. Pantun yang dinukilkan oleh orang Melayu zaman dahulu merupakan manifestasi perasaan dan pemikiran dalam menyampaikan maklumat. Kajian ini dilaksanakan bagi membincangkan aspek komunikasi yang terdapat dalam pantun. Kajian yang berbentuk kualitatif ini mengaplikasikan Model SMCR Berlo (1960) dalam menganalisis pantun yang terdapat dalam buku *Karya Agung Pantun Melayu: Bingkisan Permata*. Model SMCR Berlo (1960), iaitu *source* (pemantun), *message* (pantun), *channel* (lisan/ tulisan) dan *receiver* (penerima pantun) diaplikasikan dalam menganalisis data kajian ini. Kajian ini mendapati bahawa orang Melayu zaman dahulu telah menggunakan unsur alam semula jadi dan amalan harian dalam kehidupan sebagai sumber mesej bagi menzahirkan maksud pantun kepada penerima sebagai nasihat, kiasan, jenaka dan sebagainya. Senario ini menunjukkan bahawa orang Melayu zaman dahulu telah mengaplikasikan konsep komunikasi yang menggunakan bahasa halus dan berbentuk nasihat, sindiran, jenaka dan sebagainya. Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan pantun sebagai medium komunikasi kini wajar dilestarikan. Kajian pada masa akan datang boleh berfokus kepada bentuk kearifan lisan lain sebagai wahana komunikasi yang lebih luas.

*Kata kunci: komunikasi, pantun, warisan, kearifan, Melayu*

### 1. Pengenalan

Pantun adalah satu daripada bentuk puisi lama yang menjadi perlambangan kearifan tempatan dalam budaya Melayu dan Nusantara. Pantun mengandungi falsafah, pengajaran budi pekerti mulia, jenaka, sindiran, prinsip perjuangan, latihan minda, keupayaan menilai dan menghargai alam sekitar, patriotisme, kenegaraan dan pelbagai lagi aspek kehidupan. Pantun juga adalah pelantar kiliran budi yang menjadi tradisi lisan yang menjelmakan jiwa bangsa Melayu di seluruh Nusantara (Rais Yatim, 2013). Pantun telah melahirkan keupayaan berkomunikasi bersifat seni dan mengapungkan budaya bahasa indah yang tinggi nilai peradabannya. Sehubungan itu, adalah tidak menghairankan apabila terdapat banyak kajian tentang pantun telah dijalankan oleh para sarjana seperti Zainal Abidin Ahmad (Za'ba), Ahmad Babji, Darus Ahmad, Harun Mat Piah dan ramai lagi. Malah, terdapat koleksi pantun yang diusahakan oleh orientalis barat seperti R.O. Winstedt, R.J. Wilkinson, Hans Overbeck dan ramai lagi. Hal ini menzahirkan bahawa pusaka pantun adalah satu bingkai kearifan tempatan yang turut menarik perhatian bangsa lain. Situasi ini menarik minat oleh para sarjana muda pada era digital biarpun berdepan dengan cabaran untuk melestarikan warisan budaya Melayu.

Oleh itu, menjadi rutin bagi masyarakat Melayu dalam majlis-majlis kebudayaan untuk mempersempahkannya sebagai medium komunikasi. Hal ini boleh disaksikan semasa majlis-majlis seperti dalam adat perkahwinan di Tanjungpinang, Kepulauan Riau (Zukha Mega Priyhangka, et al., 2021). Penelitian terhadap fungsi pantun dengan kaedah kualitatif deskriptif melalui pemerhatian, temu bual dan dokumentasi telah dijalankan. Kajian tersebut menggunakan Teori Komunikasi Laswell dan Teori Interaksi Simbolik. Hasil penelitian ini menunjukkan bahawa pantun digunakan ketika proses meminang, menghantar cincin sebagai tanda, memberi wang hantaran, ketika majlis berinai, akad nikah, bersanding dan bertepung tawar. Pantun dalam adat perkahwinan di Tanjungpinang berfungsi sebagai medium komunikasi untuk menyampaikan hajat (tujuan) dan nasihat kepada kedua-dua belah pihak mempelai pengantin sebagai bekalan melayari bahtera perkahwinan. Rezki Puteri et al. (2022) pula mendapati penggunaan pantun sebagai alat komunikasi pembuka bicara juga merupakan norma dalam budaya meminang dan perkahwinan masyarakat Melayu di Pekanbaru, Riau. Oleh itu, penelitian yang lebih mendalam telah dibuat dengan tujuan memahami elemen pantun dengan menggunakan pendekatan sosiologi sastera. Konsep ini melambangkan kehidupan manusia sebagai individu mahupun anggota kelompok interaksi sosial menggunakan bahasa sebagai komunikasi kreativiti sosial. Hasil penelitian menunjukkan bahawa fungsi pantun dalam majlis perkahwinan masyarakat Melayu Riau adalah identiti pendidikan budaya, bingkisan penyambung kata atau bicara lidah, penjelasan tentang simbol dan petunjuk atau tatacara.

Eizah Mat Hussain et al. (2017) juga telah mengkaji simbol tumbuhan dalam naskhah *Karya Agung Pantun Melayu: Bingkisan Permata*. Penulis menggunakan prinsip “dunia luas yang dipadatkan” untuk membincangkan makna tersirat simbol tumbuhan pertanian dalam pantun. Kajian ini mendapati bahawa masyarakat Melayu mengungkap simbol tumbuhan yang terpilih dalam pantun dikaitkan dengan persamaan kelakuan manusia. Rohayati Junaidi et al. (2023) pula telah membincangkan karya sastera yang berperanan untuk menyalurkan informasi COVID-19 kepada masyarakat melalui cerita *Engkaulah Adiwiraku* (2020). Penyelidikan tersebut berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Analisis teks dilakukan dengan mengaplikasikan Model Komunikasi SMCR Berlo (1960). Analisis kajian membuktikan bahawa karya sastera sarat dengan informasi penting mengenai COVID-19 dan peranan setiap individu bagi melawan penyebaran virus tersebut. Kajian juga menunjukkan bahawa bahasa yang ringkas dan mudah bersesuaian dengan tahap kemahiran bahasa kanak-kanak menjadi unsur penting dalam menyalurkan maklumat kepada kelompok ini.


Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis mesej komunikasi dalam pantun yang terpilih secara literal. Walaupun unsur-unsur estetika yang terdapat dalam pantun telah dikaji, masih terdapat kesenjangan dalam merungkai keunikan pantun melalui wacana yang berbeza. Oleh itu, wujud persoalan sama ada Model Komunikasi SMCR Berlo (1960) boleh disandarkan bagi menguji karya warisan budaya Melayu lain seperti puisi dan pantun. Bahan kajian ini juga menggunakan buku *Pantun Melayu: Bingkisan Permata* (2001) yang berstatus Karya Agung dan diiktiraf oleh Yayasan Karyawan.

## 2. Metodologi Kajian

Kajian ini telah mengaplikasikan Model Komunikasi SMCR Berlo (1960) bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Seterusnya, hasil analisis diperoleh melalui pemahaman pengkaji (receiver) yang turut menjadi penerima maklumat secara tidak langsung melalui pantun (message) yang dikaji. Kajian ini merupakan penelitian terhadap konsep, kajian kepustakaan serta analisis teks. Bahan kajian diperoleh daripada koleksi buku *Karya Agung Pantun: Melayu Bingkisan Permata* (2001) yang diselenggarakan oleh Harun Mat Piah dan diterbitkan oleh Yayasan Karyawan (channel). Buku *Karya*

*Agung Pantun Melayu: Bingkisan Permata* dipilih untuk dikaji kerana pantun yang dimuatkan di dalamnya merupakan hasil dapatan dan himpunan data dari sumber-sumber terpilih. Antara sumber bahan ialah himpunan antologi, koleksi pantun yang diterbitkan dan tidak diterbitkan, koleksi peribadi pengarang, hasil kajian penulis dan pengkaji yang terlibat dalam penyelidikan dan juga petikan dari karya-karya hikayat (source). *Karya Agung Pantun Melayu: Bingkisan Permata* ini juga memasukkan pantun-pantun terpilih dari Brunei. Oleh sebab keistimewaan inilah, *Karya Agung Pantun Melayu: Bingkisan Permata* (2001) dipilih sebagai bahan kajian ini. Empat buah pantun telah dipilih secara rawak dan model komunikasi diaplikasikan kepada bahan tersebut. Setiap pantun yang dibincangkan dan dianalisis merupakan pantun yang mewakili setiap satu bab yang berada di dalam naskhah ini.

Selaras dengan itu juga, Saodah Wok et al. (2003) menyatakan bahawa Model Berlo/ SMCR ini telah menyenaraikan empat unsur utama dalam komunikasi, iaitu sumber (source), mesej (message), saluran (channel) dan penerima (receiver). Berlo (1960) mendapati bahawa setiap unsur dan ciri-cirinya memberi kesan terhadap komunikasi. Rajah 1 menjelaskan bahawa ciri-ciri penerima dan sumber seperti kemahiran komunikasi, pengetahuan, sikap terhadap sumber/ penerima dan sistem nilai mempengaruhi keberkesanan komunikasi. Contohnya, dalam mesej pula, unsur-unsur seperti kandungan/ isi, kod (sama ada verbal ataupun bukan verbal) dan susunan mesej juga mempengaruhi kesan komunikasi. Selain itu, pemilihan saluran untuk menyampaikan mesej juga sama pentingnya dalam memastikan kejayaan sesebuah komunikasi.



Rajah 1: Model Komunikasi SMCR Berlo (1960)

## 2.1 Pemilihan Bahan Kajian

Bahan kajian yang dipilih merupakan pantun yang terkandung dalam buku *Karya Agung Pantun Melayu: Bingkisan Permata*. Naskhah ini adalah sebuah koleksi terpilih pantun Melayu karya agung yang mengandungi empat ribu rangkap pantun. Himpunan pantun ini diambil daripada 86 buah sumber, sama ada daripada persuratan lama, sastera hikayat, syair pujangga silam mahupun koleksi pantun baharu pasca merdeka. Pantun-pantun ini dibahagikan kepada empat bab yang merangkumi bingkis pemula, bingkis bicara, bingkis kasih dan bingkis penutup. Kajian ini memilih pantun secara rawak bagi setiap bab yang ada, untuk dianalisis dan disesuaikan dengan model komunikasi. Pantun-pantun yang dipilih berdasarkan empat bab yang telah dinyatakan sebelum ini.

## 3. Perbincangan

Pantun merupakan puisi istimewa yang tiada tolok bandingnya. Pantun menzahirkan konsep atau gagasan yang memerlukan huraian panjang, namun dapat dinyatakan dalam satu rangkap yang ringkas dan indah. Dailie (2002) menyatakan bahawa pantun Melayu merupakan inti sari kehidupan dan alam yang diibaratkan sebagai sebutir pasir. Pantun mengandungi makna tersirat bagi segala elemen kehidupan orang Melayu, sama ada berkaitan tanah, rumah, kebun, sawah padi, sungai, laut,

tumbuhan, buah-buahan, binatang, burung, ikan dan pelbagai perkara kecil yang digunakan dalam kehidupan seharian. Pantun juga digunakan untuk menyatakan adat resam, kebijaksanaan, pelbagai bentuk kepercayaan dan perasaan. Oleh itu, analisis data menunjukkan bahawa orang Melayu pada zaman dahulu telah menggunakan unsur alam semula jadi dan amalan harian dalam kehidupan sebagai sumber mesej bagi menzahirkan maksud pantun kepada penerima sebagai nasihat, kiasan, jenaka dan sebagainya. Senario ini menunjukkan bahawa orang Melayu zaman dahulu telah mengaplikasikan konsep komunikasi yang menggunakan bahasa halus yang berbentuk nasihat, sindiran, jenaka dan sebagainya. Pantun Melayu merupakan hak milik masyarakat Melayu. Keindahan sesebuah pantun perlu dilihat menerusi sudut pandang orang Melayu sendiri. Perbincangan dipecahkan kepada empat bahagian berdasarkan bab dalam buku pantun yang dipilih, iaitu bingkis pemula, bingkis bicara, bingkis kasih dan bingkis penutup.

### 3.1 Bingkis Pemula

Apa guna berkain batik,  
    Kalau tidak memakai capal,  
Apalah guna beristeri cantik,  
    Kalau tak pandai menumbuk sambal.

(Harun Mat Piah, 2001, p. 55)

Pantun ini telah diterbitkan dalam naskhah *Kurik Kundi Merah Saga, Kumpulan Pantun Lisan Melayu* yang diterbitkan pada tahun 1990. Rangkap pantun di atas menggambarkan senario memakai kain batik dan capal merupakan kebiasaan dalam budaya orang Melayu. Normalisasi budaya pemakaian ini menunjukkan bahawa pemantun (source) sebagai pembayang pantun (message) sebagai isi maklumat. Sebaliknya, isu yang ingin diutarakan (message) sebagai maksud pantun adalah situasi perkahwinan yang menggambarkan ketidakpadanan antara penampilan isteri yang cantik, namun tidak pandai memasak. Dalam budaya masyarakat Melayu khususnya pada zaman dahulu, wanita Melayu kebiasaannya akan melengkapkan diri dengan kemahiran memasak (Aishah et al., 2010). Kemampuan tersebut dianggap sebagai perkara asas yang perlu ada dalam diri seseorang wanita kerana wanita yang berkahwin perlu menguruskan dapur dan keperluan rumah. Bagi seorang lelaki atau suami pula sinonim dengan urusan keluar bekerja bagi menafkahi keluarga. Kemahiran memasak adalah kemahiran asas bagi setiap wanita Melayu pada zaman tersebut tanpa mengira rupa paras fizikal yang dimiliki. Sungguhpun begitu, wanita yang pandai memasak dan pada masa yang sama juga memiliki rupa paras yang cantik merupakan satu bonus. Kelebihan ini menjadi idaman para lelaki untuk memilih pasangan isteri. Oleh itu, pantun tersebut telah disusun dengan pembayang dan maksud sebagai mesej yang ingin disampaikan berdasarkan sistem nilai atau pandangan masyarakat Melayu ketika itu. Seterusnya maklumat atau mesej ini disalurkan melalui tutur kata (channel) pemantun yang bertindak sebagai sumber maklumat. Dalam konteks kajian ini, tutur pantun tersebut telah direkodkan dalam bentuk tulisan (channel). Pendengar ujaran pantun tersebut atau yang membaca penulisan pantun merupakan penerima maklumat (receiver) yang cuba memahami maksud pantun tersebut. Penerima maklumat ini akan memberi maklum balas tertentu berdasarkan pengetahuannya tentang pembayang dan maksud pantun atau sistem nilai yang dimiliki mahupun sikap/ anggapan terhadap diri sendiri dan sumber maklumat. Bentuk komunikasi yang ditonjolkan oleh mesej pantun ini merupakan sindiran halus yang mengingatkan tentang kecantikan paras rupa wanita tidak memberi erti jika tidak dihiasi dengan kemahiran sendiri seperti memasak.

### 3.2 Bingkis Bicara

Kalau tidak lembu Pak Jamal,  
Masakan pandan hancur dan lumat,  
Kalaupun tidak ilmu dan amal,  
Masakan badan boleh selamat.

(Harun Mat Piah, 2001, p. 156)

Pantun ini didapati dalam *Manuskrip Museum Pusat Jakarta* yang merupakan koleksi pantun yang dikumpulkan oleh Hans Overbeck. Beliau adalah seorang orientalis berbangsa Jerman yang mengkaji banyak puisi Melayu yang telah meninggal dunia pada tahun 1942 sebagai banduan tahanan kolonial Belanda (Taylor, 2014). Ungkapan pantun ini menunjukkan persekitaran masyarakat Melayu zaman dahulu sinonim dengan kegiatan pertanian, sama ada berkebun sayur ataupun menternak haiwan. Menurut Muhamad Faiz Aiman, et al. (2021), kebiasaannya aktiviti pertanian yang diamalkan ketika itu adalah bersifat sara diri dan tidak berskala besar. Kebun sayur dan kawasan ternakan diusahakan di kawasan sekeliling rumah kediaman dan kejiranan. Situasi ini merupakan lumrah dalam kehidupan bermasyarakat kerana berlaku isu-isu kejiranan seperti pencerobohan haiwan ternakan ke dalam kawasan kebun milik kejiranan lain. Oleh itu, senario tersebut menjadi idea dan latar belakang kepada *source* atau sumber (pemantun) sebagai ilham luahan mesej.

Pantun di atas adalah rakaman suasana yang biasa terjadi apabila lembu ternakan milik individu telah menceroboh (makan hasil tanaman) kawasan kebun pokok pandan yang berada di kawasan kejirannya dan dijadikan sebagai pembayang pantun (message) sebagai isi maklumat. Isu yang ingin diutarakan (message) sebagai maksud pantun adalah menyatakan asbab diri terselamat kerana ilmu yang dimiliki dan diamalkan. Seterusnya, maklumat atau mesej ini disalurkan melalui tutur kata (channel) pemantun yang bertindak sebagai sumber maklumat. Namun, dalam konteks kajian ini, tutur pantun tersebut telah direkodkan dalam bentuk tulisan (channel). Bagi yang mendengar ujaran pantun tersebut atau yang membaca penulisan pantun, mereka merupakan penerima maklumat (receiver) yang akan memahami maksud pantun tersebut. Penerima maklumat ini akan memberi maklum balas tertentu berdasarkan pengetahuannya tentang pembayang dan maksud pantun atau sistem nilai yang dimiliki mahupun sikap/ anggapan terhadap diri sendiri dan sumber maklumat. Bentuk komunikasi yang ditonjolkan oleh mesej pantun ini berupa nasihat tentang kepentingan ilmu. Setiap ilmu yang dipelajari dan diamalkan pastinya memberi manfaat yang baik kepada empunya diri. Contohnya, ilmu seni mempertahankan diri yang diamalkan ataupun ilmu pengetahuan bagi mencegah kemalangan mampu untuk menyelamatkan diri (fizikal mahupun harta) daripada natijah kemalangan ataupun akibat serangan musuh.

### 3.3 Bingkis Kasih

Anak sepat di dalam padi,  
Anak seluang meloncat tinggi,  
Kalau tak dapat bagai di hati,  
Biar bujang sampai ke mati.

(Harun Mat Piah, 2001, p. 283)

Pantun ini telah dibukukan oleh orientalis R.O. Winstedt dan R.J. Wilkinson yang berjudul *Pantun Melayu* yang diterbitkan pada tahun 1961 di Singapura. Rangkap pantun ini menggambarkan persekitaran di kawasan bendang sawah padi. Lokaliti ini merupakan kawasan yang menjadi kebiasaan dalam kehidupan harian orang Melayu zaman dahulu (Rahimah, 2010). Suasana bendang tidak hanya tertumpu kepada tanaman sawah padi, namun turut melibatkan habitat lain seperti hidupan air tawar seperti ikan, katak, serangga dan lain-lain berikutan keadaan bendang yang menakung air semasa proses awal penanaman padi. Pengalaman yang biasa dilihat ini telah mencurahkan ilham kepada pemantun atau pencipta pantun ini (source). Individu ini juga mungkin merupakan seorang pesawah. Aktiviti mengusahakan sawah padi merupakan pekerjaan yang biasa dilakukan oleh orang Melayu zaman dahulu khususnya di kawasan-kawasan kampung. Individu ini telah menggunakan elemen alam semula jadi apabila menggambarkan anak ikan sepat dan anak ikan seluang yang berhabitat di sawah padi. Anak ikan sepat dan anak ikan seluang bersifat lincah dan aktif, berenang dengan cepat di air, sering kali melompat sehingga terkeluar dari habitatnya atau tersasar ke kolam takungan lain. Fenomena ini dijadikan sebagai pembayang pantun (message). Pada masa yang sama, lanjutan daripada maksud yang ingin disampaikan melalui pantun ini adalah suatu sistem nilai ataupun kehidupan seseorang yang sedang berkasih (message). Seterusnya, maklumat atau mesej ini disalurkan melalui tutur kata (channel) pemantun yang bertindak sebagai sumber maklumat. Namun dalam konteks kajian ini, tutur pantun tersebut telah direkodkan dalam bentuk tulisan (channel). Mereka yang mendengar atau membaca ujaran pantun tersebut merupakan penerima maklumat (receiver) yang akan memahami maksud pantun tersebut. Penerima maklumat ini akan memberi maklum balas tertentu berdasarkan pengetahuannya tentang pembayang dan maksud pantun atau sistem nilai yang dimiliki, mahupun sikap atau anggapan terhadap diri sendiri dan sumber maklumat. Bentuk komunikasi yang dibawa oleh mesej pantun ini adalah tentang pancaran hidup orang Melayu suatu ketika dahulu dan kehidupan seorang bujang yang sedang berkasih. Individu ini mempunyai tekad dan pegangan bahawa sanggup hidup membujang hingga mati jika tidak dapat berkahwin dengan pasangan yang dihajatnya. Perasaan ini menunjukkan rujuk seseorang ketika menghadapi situasi yang mungkin dapat berkahwin atau tidak. Sifat dan fikiran terburu-buru seperti sifat anak ikan seluang (dalam pembayang pantun) ketika membuat keputusan dalam hidup dengan tekad di hati. Jika hendak dilanjutkan lagi perbincangan tentang prinsip ini, terdapat juga pepatah Melayu lama yang mengatakan “bunga bukan sekuntum, kumbang bukan seekor” sebagai kata-kata memujuk bagi individu yang bertekad dengan prinsip membujang hingga ke mati.

### 3.4 Bingkis Penutup

Ambil galah kaitkan jantung,  
Ciak banyak makan di jalan,  
Pada Allah tempat bergantung,  
Datang tombak kita melawan.

(Harun Mat Piah, 2001, p. 541)

Pantun ini dinukilkan dalam *Hikayat Hang Tuah* dan disatukan dalam buku *Karya Agung Bingkisan Permata*. Secara literal, ungkapan pantun adalah satu suasana aktiviti harian yang biasa dilakukan oleh orang Melayu suatu masa dahulu. Jantung pisang merupakan makanan kampung yang enak dijadikan ulam dalam hidangan masakan Melayu tradisional (Maulida, 2023). Jantung pisang biasanya terdapat pada pokok pisang yang telah matang, tinggi dan sedang berbuah. Bagi mendapatkannya, galah diperlukan untuk mengait jantung tersebut sebagai alat dan kaedah memetik. Lazimnya, jantung pisang yang dikait tinggi akan jatuh terhempas ke tanah dan akan bertaburan

sedikit kelopak serta bunga jantung pisang tersebut. Suasana digambarkan lagi dengan burung ciak yang datang dan memakan bunga jantung pisang yang bertaburan di tanah. Senario ini adalah suasana yang dizahirkan oleh pemantun (source) dalam mencipta pembayang pantun (message). Maksud pantun (message) atau maklumat yang ingin disampaikan adalah pergantungan kepada Allah dalam situasi bersiap sedia menghadapi musuh atau siap siaga berperang. Seterusnya, maklumat atau mesej ini disalurkan melalui tutur kata (channel) pemantun yang bertindak sebagai sumber maklumat. Dalam konteks kajian ini, tutur pantun tersebut telah direkodkan dalam bentuk tulisan (channel). Mereka yang mendengar atau membaca penulisan pantun ini dianggap sebagai penerima maklumat (receiver) yang akan memahami maksud pantun tersebut. Penerima maklumat ini akan memberi maklum balas tertentu berdasarkan pengetahuannya tentang pembayang dan maksud pantun atau sistem nilai yang dimiliki, mahupun sikap atau anggapan terhadap diri sendiri dan sumber maklumat. Bentuk komunikasi yang dibawa oleh mesej pantun merupakan pancaran akal budi Melayu dengan sifat tawakal kepada Allah. Pembayang dan maksud pantun mempunyai metafora yang saling berkait. Perbuatan mengait jantung pisang dengan menggunakan galah melambangkan usaha yang dilakukan untuk mencari rezeki. Sebenarnya, terdapat rezeki orang lain bagi setiap rezeki yang diterima oleh seseorang. Bahagian rezeki ini boleh dizahirkan melalui amalan sedekah seperti membiarkan kehadiran burung ciak untuk memakan butiran bunga jantung pisang dikait tersebut berterabur di kawasan berhampiran pokok tersebut. Pantun ini turut menegaskan bahawa bergantung kepada Allah adalah perihal yang penting dan penuh harapan dalam kehidupan. Amalan ini merupakan sifat mahmudah yang diajar oleh Islam dengan iktikad hanya Allah sebagai tempat bergantung harap. Ungkapan melawan ketika datangnya tombak ditafsirkan sebagai ujian yang datang dalam hidup harus dihadapi dengan keberanian dan ketabahan. Malahan bertindak dengan tidak terlalu awal untuk menyerah kalah melainkan telah berusaha terlebih dahulu dan disusuli dengan doa serta tawakal kepada Allah.

#### 4. Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan pantun sebagai medium komunikasi kini wajar dilestarikan. Kajian pada masa akan datang boleh berfokus kepada bentuk kearifan lisan lain sebagai wahana komunikasi yang lebih luas. Kajian ini mendapati bahawa pantun berfungsi menggambarkan perasaan dan pemikiran masyarakat zaman dahulu melalui penggunaan alam semula jadi dan kehidupan harian sebagai mesej nasihat, sindiran, jenaka, dan sebagainya. Situasi ini menunjukkan bahawa pantun memiliki hubungan erat dengan alam dan kehidupan masyarakat Melayu. Pantun yang menggambarkan alam sekitar seperti flora, fauna, dan fenomena alam berfungsi sebagai metafora untuk menyampaikan nilai-nilai kehidupan dan nasihat kepada masyarakat. Dalam konteks Model Komunikasi SMCR Berlo (1960), pantun yang berfungsi sebagai mesej (message) menggambarkan pengalaman kehidupan yang dapat dihayati melalui perbendaharaan kata yang indah. Sumber (source) pantun, iaitu melalui pemilihan kata-kata yang tepat dapat mengirimkan mesej kepada penerima (receiver) dengan menggunakan saluran (channel) komunikasi tulisan atau lisan yang mampu menyampaikan nilai-nilai kearifan tempatan. Kajian terhadap pantun juga menunjukkan perihal relevannya dalam konteks sosial dan budaya masa kini, walaupun menghadapi cabaran era globalisasi dan kelestarian warisan budaya. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penelitian awal ini memberi gambaran yang signifikan terhadap keupayaan pantun dalam menterjemahkan bentuk komunikasi lisan atau tulisan dalam menyampaikan nilai-nilai budaya, nasihat, serta mencerminkan kearifan tempatan masyarakat Melayu zaman dahulu.

## 5. Rujukan

- Aishah@Eshah Haji Mohamed, Sulong Mohamad & Haziyah Hussain. (2010). Makanan hantaran dalam perkahwinan Melayu Kelantan: Adat dan interpretasi. *Jurnal e-Bangi*, 5(1), 103-115. <http://pkukmweb.ukm.my/e-bangi/papers/2010/esah010>
- Daille, F. R. (2002). *Alam pantun Melayu-studies on the Malay pantun*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Eizah Mat Hussain, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Salinah Jaafar. (2015). Simbol tumbuhan dalam pantun dari perspektif puitika sastera Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 26(1), 235–255. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9702>
- Eizah Mat Hussain, Nurhamizah Hashim & Nur Yuhanis Mohd Nasir. (2017). Simbol tumbuhan dalam *Pantun Melayu Bingkisan Permata*. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature (PENDETA)*, 8, 23–35. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol8.3.2017>
- Harun Mat Piah. (2001). *Karya Agung Pantun Melayu: Bingkisan Permata*. Yayasan Karyawan.
- Maulida. (2023). Keghabu sebagai budaya tak benda Kabupaten Natuna. *Jurnal Tapak Melayu*, 1(1), 1-7. <https://jurnal.stainatuna.org/index.php/tapakmelayu/article/view/55>
- Muhamad Faiz Aiman Mohd Sohaimin, Azahan Awang & Azlan Abas. (2021). Kearifan tempatan dalam pertanian sara diri: Satu sorotan. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities. Special Issue*, 18(2), 69-83. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/issue/view/1377>
- Rahimah A. Hamid. (2010). Piama dan petua tradisi: Ilmu menanam padi masyarakat Melayu di Utara Semenanjung Malaysia. *SARI - International Journal of the Malay World and Civilisation*, 28(2), 211 - 233. <https://core.ac.uk/download/pdf/11490381.pdf>
- Rais Yatim. (2013). *Pantun & bahasa indah jendela budaya Melayu*. Endowment Publication.
- Rezki Puteri Syahrani Nurul Fatimaha, Fathiatty Murtadhoha & Zuriyati. (2022). Fungsi pantun adat perkawinan Melayu Riau. *Indonesian Language Education and Literature Journal*, 7(2), 439 – 448. <http://www.syekhnurjati.ac.id/jurnal/index.php/jeill/>
- Rohayati Junaidi, Madiawati Mamat @ Mustaffa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Nur Faaizah Md Adam & Siti Nur Anis Muhammad Apandi. (2023). Engkaulah adiwiraku sebagai saluran informasi COVID-19 berdasarkan Model Komunikasi SCMR Berlo. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(1), 441-458. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2023-3901-25>
- Saodah Wok, Narimah Ismail & Mohd Yusof Hussain. (2003). *Teori-teori komunikasi*. PTS Professional Publishing.
- Taylor, R. W. (2014). The orientalist Hans Friedrich Overbeck 1882–1942: His entomological work, prisoner of war experiences and known photographic images. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 87, (306), 37-51. <https://doi.org/10.1353/ras.2014.0005>
- Zukha Mega Priyhangka, M.I. Asyarin Hayau Lailin & Rakhmad Saiful R. (2021). Penggunaan pantun pada adat perkawinan di Tanjungpinang Kepulauan Riau sebagai media komunikasi. *Pawitra Komunika Jurnal Komunikasi dan Sosial Humaniora*, 2(2), 207-220.